

Penggiat seni boleh 'beraksi' semula

UM - 8/9/2021 m/s: 4



ISMAIL SABRI YAAKOB

Oleh **MAISARAH SHEIKH RAHIM**
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Lebih sejuta penggiat industri kreatif, artis dan pekerja melibatkan 19,000 syarikat berkaitan boleh 'beraksi' semula selepas kerajaan melonggarkan prosedur operasi standard (SOP) Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara (PPN) mulai esok.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, keputusan itu dibuat menerusi perbincangan Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik Covid-19 pada Khamis lalu dan tertakluk kepada lengkap dua dos vaksin dan patuh SOP yang diluluskan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Beliau berkata, industri kreatif menyumbang sebanyak dua peratus atau RM29 bilion daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2019.

Selain membolehkan lebih sejuta penggiat, artis dan pekerja industri mula bekerja dan menyara kehidupan, Perdana Menteri berkata, kelonggaran ini dapat kembali menghidupkan industri kreatif negara yang sangat terkesan akibat pandemik.

Beliau berkata, ia sekali gus menggerakkan kembali semua inisiatif serta program yang direncanakan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia melalui Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas), MyCreative Ventures dan Agensi Pembangunan

Ekonomi Seni Budaya (Cendana).

Beliau berkata, antara aktiviti yang dibenarkan ialah pembangunan dan penyiaran kandungan kreatif secara rakaman atau siaran langsung, penyiaran secara rakaman atau siaran langsung berbentuk penyampaian maklumat dan hiburan dengan kehadiran penonton yang lengkap vaksin dengan kapasiti penonton 30 peratus di ruang studio serta penggambaran industri kreatif di dalam dan di luar studio kepada individu yang lengkap vaksin.

"Selain itu ialah *indoor busking*, persembahan di lounge hotel, aktiviti panggung wayang dengan kapasiti 50 peratus di ruang dewan tayangan pawa-

gam, aktiviti persembahan langsung seperti seni teater, muzikal, muzik dan komedi (secara pradaftar) dengan penonton yang lengkap vaksin serta kapasiti penonton 30 peratus di ruang premis.

"Aktiviti pameran seni di dewan pameran, muzium dan galeri seni (secara janji temu) dengan pengunjung lengkap vaksin dengan kapasiti pengunjung juga 30 peratus di ruang premis juga dibenarkan," katanya.

Perdana Menteri meminta semua pihak terlibat dengan kelonggaran itu supaya sentiasa mematuhi syarat dan prosedur yang ditetapkan bagi membantu usaha negara untuk beralih ke fasa endemik menjelang akhir Oktober ini.